

23/05/1997

Ada pihak hasut usah mengundi

Razali Zakaria

KUALA SELANGOR, Khamis - Barisan Nasional (BN) Kuala Selangor mengesan kegiatan pihak tertentu yang menghasut pemilih di kawasan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang dan Parlimen Kuala Selangor, supaya tidak keluar mengundi pada 29 Mei ini.

Ketika mendedahkan kegiatan itu, bakal Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata kegiatan itu dipercayai berlaku selepas calon BN tewas dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan, apabila tidak ramai penyokong BN keluar membuang undi.

Menurutnya, pihak terbabit yang menyusup ke kampung-kampung juga merayu pemilih supaya menyokong calon pembangkang, jika mereka keluar membuang undi pada hari berkenaan.

"Kita menerima laporan bahawa ada pihak tertentu yang cuba menghasut pemilih di Kuala Selangor supaya tidak keluar mengundi dalam pilihan raya kecil DUN Permatang dan Parlimen Kuala Selangor pada 29 Mei ini.

"Pihak terbabit memberi alasan BN sudah pasti akan menang dan tidak perlu ramai-ramai keluar mengundi. Jika keluar pun, undilah parti pembangkang," katanya dalam kempen di kampung asalnya, Bukit Belimbing, dekat sini malam tadi.

Bercakap kepada Berita Harian kemudiannya, Abu Hassan berkata pendedahan itu dilakukan atas sifatnya sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, bukan Ketua Umno Bahagian Kuala Selangor.

Sehubungan itu, beliau yang juga calon BN bagi kerusi DUN Permatang mengingatkan pihak terbabit menghentikan perbuatan tidak bertanggungjawab itu.

"Kita sudah mengetahui pihak yang menyebarkan hasutan itu, tetapi tidak perlu didedahkan ketika ini. Mereka adalah kumpulan yang enggan memberi kerjasama kepada BN dalam pilihan raya kecil ini.

"Tetapi, sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri saya memberi amaran akan mengambil tindakan tegas jika didapati hasutan itu turut dilakukan orang Umno sendiri," katanya tanpa menyebut siapa pihak terbabit.

Beliau juga meminta pemilih keluar beramai-ramai menunaikan tanggungjawab sebagai pemilih kerana pilihan raya kecil di sini berbeza dengan di tempat lain.

"Pilihan raya kecil di sini, khususnya bagi DUN Permatang adalah penting bukan saja bagi kawasan Kuala Selangor, malah negeri dan negara kerana akan menjadi penentu jawatan Menteri Besar Selangor.

"Walaupun ini adalah pilihan raya kecil, kesannya akan turut dirasai penduduk Selangor dan negara ini, terutama kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Selain itu, katanya, pilihan raya kecil itu juga akan menunjukkan betapa penduduk Kuala Selangor memberi sokongan padu kepada keputusan Perdana Menteri, memilih calon Menteri Besar dari kalangan penduduk kawasan itu.

(END)